

SOALAN-SOALAN LAZIM PUTRABID

PENDAFTARAN

1. SIAPAKAH YANG DIBENARKAN UNTUK MENDAFTAR DAN MENGGUNAKAN PORTAL PUTRABID?

Berikut ialah kategori orang awam/Perniagaan/Syarikat (SYT) yang dibenarkan untuk mendaftar di Portal PUTRABid:

- i. Individu: Penduduk Tetap Malaysia (PTM) dan Orang Awam Malaysia (MAL) yang berumur 18 tahun dan ke atas.
- ii. Perniagaan/Syarikat: Perniagaan/Syarikat yang berdaftar.

2. APAKAH SYARAT UNTUK MENDAFTAR DAN MENGGUNAKAN PORTAL PUTRABID?

Individu/Perniagaan/Syarikat perlu mempunyai kad kredit atau perbankan atas talian bagi memudahkan proses transaksi dilakukan. Syarat-syarat lain tertakluk kepada kelulusan pihak Jabatan Pengangkutan Jalanraya (JPJ).

3. BAGAIMANA CARANYA UNTUK MENDAPATKAN ID BAGI MEMBOLEHKAN SAYA MENDAFTAR DAN MENGGUNAKAN PORTAL PUTRABID?

Individu/Perniagaan/Syarikat yang layak boleh membuat pendaftaran ringkas di dalam sistem PUTRABid. Pendaftaran adalah percuma. Semua pihak yang mendaftar perlu mengisi maklumat bank dengan tepat bagi memudahkan proses perbankan.

4. APAKAH JENIS EMEL YANG SESUAI UNTUK DIGUNAKAN SEMASA PENDAFTARAN DI PORTAL PUTRABID?

Orang awam atau pengguna portal PUTRABid disarankan menggunakan emel jenis Gmail yang aktif bagi memudahkan penerimaan sebarang notifikasi daripada sistem PUTRABid. Untuk emel korporat, sila pastikan urusetia emel anda membenarkan emel dari luar dan juga semak capaian *spam*.

KATA LALUAN

5. BAGAIMANAKAH SEKIRANYA TERDAPAT PERUBAHAN MAKLUMAT BUTIR PERIBADI SETELAH PENDAFTARAN DILAKUKAN DI PORTAL PUTRABID?

Sebarang kemaskini maklumat peribadi boleh dibuat dalam sistem PUTRABid sebelum tamat waktu bidaan (jika membida). Jika tidak, maklumat peribadi ini akan dicetak di atas sijil pemenang dan tidak boleh ditukar.

6. APAKAH BROWSER YANG SESUAI UNTUK MENGGUNAKAN PORTAL PUTRABID?

Orang awam atau pengguna portal PUTRABid disarankan untuk menggunakan **browser Chrome Version 73, Internet Explorer 11, Android Version 6** atau **IOS 10** dan ke atas untuk paparan yang lebih baik.

7. APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN JIKA PEMBIDA LUPA KATA LALUAN UNTUK LOG MASUK KE PORTAL PUTRABID?

Pembida boleh menetapkan semula kata laluan dengan memilih emel yang didaftarkan melalui cara berikut:-

- i) Klik lupa kata laluan pada skrin log masuk
- ii) Kemudian masukkan nama alamat emel yang didaftarkan.
- iii) Klik pada ruangan saya bukan robot.
- iv) Klik butang hantar
- v) Mesej akan dihantar pada emel berdaftar pembida dan ikuti arahan selanjutnya pada skrin berkenaan.

BIDAAN

8. BERAPA LAMAKAH TEMPOH BIDAAN UNTUK SATU (1) SESI NOMBOR KENDERAAN BERLANGSUNG?

Tempoh bidaan untuk satu (1) sesi nombor pendaftaran kenderaan berlangsung selama 7 hari bermula pada pukul 12.00 tengahari dan tamat pada pukul 12 tengah hari pada hari ke tujuh (7).

***Anda digalakkan untuk melakukan bidaan awal untuk kelancaran semua proses. Elakkan aktiviti bidaan disaat akhir bagi mengelakkan gangguan bayaran. Bukti bayaran berjaya bukanlah bukti bidaan berjaya**

9. BAGAIMANA PENENTUAN HARGA BIDAAN DIKIRA?

Setiap nombor kenderaan mempunyai kategori dan harga lantai ditentukan mengikut kategori berikut:-

Bil	Julat Harga Lantai	Nama
1.	RM100,000-150,000	Super Platinum
2.	RM25,000-RM75,000	Platinum
3.	RM10,000-RM15,000	Gold
4.	RM3,000-RM7,000	Silver
5.	RM1,000	Bronze

Setiap amaun bidaan pertama yang dibida mestilah sama atau melebihi harga minima yang ditetapkan mengikut kategori.

Peningkatan minima bidaan adalah berdasarkan amaun harga minima mengikut kategori nombor dengan ketiadaan had untuk peningkatan maksimum.

Formula: Harga Minima Bidaan + Kenaikan Harga Minima = Jumlah Bidaan

Contoh:

Bil	Kategori	Harga (RM)	Kenaikan Bidaan Minima (RM)	Kenaikan Pertama (RM)	Kenaikan Kedua (RM)	Kenaikan Ketiga (RM)
1	Super Platinum	150,000.00	1,500.00	151,500.00	153,000.00	154,500.00
2	Super Platinum	100,000.00	1,000.00	101,000.00	102,000.00	103,000.00
3	Platinum	75,000.00	750.00	75,750.00	76,500.00	77,250.00
4	Platinum	25,000.00	500.00	25,500.00	26,000.00	26,500.00
5	Gold	15,000.00	450.00	15,450.00	15,900.00	16,350.00
6	Gold	10,000.00	300.00	10,300.00	10,600.00	10,900.00
7	Silver	7,000.00	200.00	7,200.00	7,400.00	7,600.00
8	Silver	5,000.00	200.00	5,200.00	5,400.00	5,600.00
9	Silver	4,000.00	150.00	4,150.00	4,300.00	4,450.00
10	Silver	3,000.00	120.00	3,120.00	3,240.00	3,360.00
11	Bronze	1,000.00	50.00	1,050.00	1,100.00	1,150.00

Peningkatan amaun minima ada dipaparkan pada halaman bidaan sebagai rujukan.

10. APAKAH HAD UNTUK MEMBIDA?

Tiada had untuk membida.

11. BOLEHKAH PEMBIDA MENARIK BALIK BIDAAN?

TIDAK. Pembida tidak dibenarkan menarik balik bidaan sepanjang tempoh bidaan berlangsung.

12. ADAKAH PEMBIDA AKAN MENERIMA APA-APA MAKLUMAN SEMASA TEMPOH BIDAAN?

Ya, segala aktiviti yang melibatkan nombor pendaftaran kenderaan yang dibida akan dikemaskini di dalam sistem PUTRABid.

13. ADAKAH PEMBIDA LAIN TAHU JIKA SAYA MEMBUAT PEMBIDAAN LEBIH DARI 1 NOMBOR?

Maklumat peribadi pembida adalah dilindungi dan tidak dapat dilihat oleh pembida lain.

14. BAGAIMANA JIKA BIDAAN SAYA DIPINTAS?

Jika bidaan anda telah dipintas, anda layak untuk membida semula tanpa perlu membuat bayaran caj perkhidmatan **RM15** bagi nombor pendaftaran yang sama.

15. BIDAAN HAMPIR TUTUP, TETAPI BIDAAN SAYA MASIH LAGI DIPINTAS. ADAKAH SAYA AKAN DIKALAHKAN?

Sistem PUTRABid dilengkapi dengan fungsi pemanjangan masa automatik selama 5 minit jika terdapat bidaan dalam tempoh 2 minit terakhir. Anda masih berpeluang untuk membida semula.

BAYARAN

16. APAKAH CAJ YANG DIKENAKAN UNTUK TRANSAKSI BIDAAN?

Caj perkhidmatan sebanyak **RM 15.00** akan dikenakan bagi setiap nombor pendaftaran yang dibida. Caj berkenaan merupakan hasil kerajaan dan tidak akan dikembalikan.

17. ADAKAH PEMBIDA PERLU MELETAKKAN DEPOSIT?

Ya. Deposit sebanyak **50%** dari jumlah bidaan akan dikenakan bagi setiap bidaan.

18. MASA BILAKAH SAYA HARUS MEMBUAT BAYARAN DEPOSIT?

Bayaran deposit perlu dijelaskan semasa proses bidaan dilakukan bagi mengesahkan bidaan anda.

19. BERAPA LAMAKAH TEMPOH BAYARAN BALIK DEPOSIT BIDAAN SEKIRANYA BIDAAN PEMBIDA TIDAK BERJAYA?

Bagi bayaran melalui kad kredit, pihak bank akan membuat pembatalan transaksi dan amaun akan dikreditkan semula dalam akaun pembida selepas tamat sesi bidaan.

Manakala bagi bayaran selain dari kad kredit, bayaran balik akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja atau lebih selepas tamat sesi bidaan.

20. BAYARAN BERJAYA DI SAAT AKHIR, TETAPI BIDAAN TIDAK DITERIMA KERANA MASA TELAH TAMAT. BAGAIMANA DENGAN BAYARAN TERSEBUT?

Jika bayaran melalui kad kredit, bayaran balik deposit akan dikembalikan (*void*) sejeurus bidaan gagal manakala bagi bayaran yang dibuat melalui kad debit bayaran balik akan di kreditkan dalam tempoh 14 hari bekerja atau lebih.

21. SEKIRANYA PEMBIDA MENGALAMI MASALAH BERKAITAN KAD KREDIT / KAD DEBIT SEPerti TRANSAKSI PENOLAKAN DAN BAYARAN BALIK, KEPADA SIAPAKAH HARUS PEMBIDA RUJUK?

Sekiranya terdapat sebarang masalah yang melibatkan kad kredit / kad debit, pembida boleh terus berhubung dengan bank pengeluar kad kredit / kad debit (*issuer*).

KEPUTUSAN BIDAAN

22. BILAKAH KEPUTUSAN RASMI BIDAAN DIUMUMKAN?

Keputusan bidaan rasmi akan dikeluarkan dalam tempoh 24 jam di dalam sistem PUTRABida selepas bidaan tamat bergantung kepada transaksi dengan pihak bank.

23. BAGAIMANA UNTUK MENGETAHUI JIKA PEMBIDA TELAH MENANG/GAGAL BIDAAN?

Keputusan bidaan boleh dilihat di portal PUTRABid. Pembida berjaya akan dipaparkan di dalam menu **Panel Kawalan** pembida di ruangan Menu **Bidaan Menang**.

***Tiada notifikasi yang akan diberikan mengenai keputusan rasmi bidaan, pihak pembida perlu membuat semakan di dalam sistem PUTRABida.**

24. BAGAIMANAKAH KAEDAH PEMBAYARAN BIDAAN DILAKUKAN?

Pembida hanya boleh melakukan pembayaran bidaan melalui Pre- Authorization kad kredit tempatan dan kad debit tempatan ((Malaysia Issuer)) FPX, atau **tunai atas talian (melalui kaunter 7-Eleven dll)**.

Bagi pembida yang Berjaya, baki bayaran sebanyak **50%** dari jumlah bidaan perlu dijelaskan dalam tempoh 7 hari dari tarikh keputusan diumumkan. Bagi pembida yang gagal menjelaskan baki bayaran, keputusan bidaan akan terbatal dan deposit tidak akan dipulangkan.

25. BOLEHKAN PEMBIDA MENGGUNAKAN LEBIH DARI SATU KAD KREDIT / KAD DEBIT SEMASA MEMBUAT TAMBAHAN BIDA?

Pembida boleh menggunakan lebih dari satu kad kredit atau kad debit untuk membuat tambahan bidaan.

26. APA YANG BERLAKU PADA BAYARAN BIDAAN JIKA BIDAAN PEMBIDA BERJAYA?

Jika bidaan berjaya, pembida diminta untuk menjelaskan baki jumlah bidaan dalam tempoh 7 hari.

27. APA YANG BERLAKU PADA AMAUN BIDAAN JIKA BIDAAN PEMBIDA TIDAK BERJAYA?

Bagi pembida yang membayar menggunakan kad kredit pembatalan transaksi oleh pihak bank akan dilakukan selepas tamat sesi bidaan.

Untuk kaedah pembayaran secara FPX, atau tunai atas talian (melalui kaunter 7-Eleven dll), bayaran balik kepada pembida yang tidak berjaya akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja.

28. MASA TAMAT, SAYA PEMBIDA TERTINGGI. NAMUN, MENGAPA NAMA SAYA TIADA DI RUANGAN "BIDAAN MENANG"?

Berikan masa kepada sistem untuk mengemaskini data pemenang. Pemenang akan dimaklumkan dalam masa 24 jam setelah tamat sesi bidaan.

***Sekiranya perkara ini berlanjutan, sila hubungi pihak khidmat pelanggan kami dengan kadar segera sebelum bidaan tamat di 011-65357325.**

29. SAYA TELAH MENANG, APA PERLU SAYA LAKUKAN?

Sila jelaskan baki nilai bidaan dalam tempoh 7 hari dari tarikh keputusan diumumkan. Sila maklumkan melalui emel (putrabid@upm.edu.my) atau telefon (0397696241) sehari sebelum hari pengambilan sijil.

Sijil bagi pembida yang berjaya dan telah menjelaskan jumlah bidaan boleh diambil di **Seksyen Penjanaaan Pendapatan, Pejabat Bursar, Tingkat 2, Bangunan Canselori Putra, UPM Serdang Selangor.**

LAIN-LAIN

30. APAKAH DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA KE JPJ BAGI PROSES PENDAFTARAN NOMBOR KENDERAAN?

Pemenang boleh hadir sendiri ke JPJ Cawangan Wangsa Maju atau JPJ Padang Jawa, Shah Alam dan perlu membawa dokumen seperti dibawah:

- I. Cetakan Sijil Asal daripada UPM.
- II. Salinan Kad Pengenalan/Salinan Identiti Pengenalan Syarikat.

31. APAKAH TEMPOH AKHIR BAGI PENDAFTARAN NOMBOR KENDERAAN?

Tempoh akhir bagi pendaftaran nombor kenderaan adalah 12 bulan dari tarikh pengeluaran Sijil.

32. APAKAH YANG AKAN BERLAKU JIKA PENDAFTARAN NOMBOR KENDERAAN TIDAK DILAKUKAN DALAM TEMPOH 12 BULAN DARI TARIKH PENGELUARAN SIJIL?

Sijil yang diberikan akan dianggap luput dan tidak sah. Bayaran yang telah dibuat **TIDAK** akan dikembalikan dan menjadi hasil Kerajaan.

33. APA YANG BERLAKU JIKA PEMBIDA TIDAK MAHU MENERIMA NOMBOR PENDAFTARAN YANG DIMENANGI?

Nombor pendaftaran kenderaan yang dimenangi akan ditarik balik tanpa sebarang notis dan bayaran yang telah dibuat **TIDAK** akan dikembalikan dan menjadi hasil Kerajaan.

34. ADAKAH NOMBOR KENDERAAN YANG DIMENANGI BOLEH DIBUAT PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH PENDAFTARAN?

Permohonan lanjutan tempoh pendaftaran **TIDAK** dibenarkan.

35. JIKA SIJIL SAYA HILANG ATAU ROSAK, BOLEHKAN SAYA DAPATKAN SIJIL GANTIAN?

Boleh, tetapi caj pekhidmatan sebanyak **RM50** akan dikenakan bagi setiap cetakan semula.

36. BOLEHKAN SAYA MENDAPATKAN SIJIL MELALUI POS DAN BAGAIMANA CARANYA?

Boleh. Sila buat bayaran perkhidmatan pos sebanyak **RM25** melalui *payment gateway* UPM di alamat **putrabid.upm.edu.my** (Pilih nombor pendaftaran khas). Emelkan bukti bayaran beserta alamat pengeposan ke putrabid@upm.edu.my

37. APAKAH SALURAN YANG SAYA BOLEH HUBUNGI SEKIRANYA TERDAPAT APA-APA PERTANYAAN LANJUT DAN MASALAH BERKAITAN SISTEM PUTRABID?

Sila hubungi pegawai Khidmat Pelanggan di **011-65357325** atau Pertanyaan Am di **03-97696241/017-6605190** untuk mendapatkan bantuan atau pertanyaan lanjut.